

Insurans

Etiqa Life Secure

Lindungi orang utama perniagaan anda



Pembuat

Keputusan

Ahli Kumpulan



eTiqa

Insurans Hayat


Lindungi apa yang anda telah bina

Tanpa orang utama perniagaan anda, kelangsungannya mungkin terganggu. Etiqa Life Secure akan membantu perniagaan anda terus berdaya saing walaupun terdapat kekangan kewangan akibat kematian atau kehilangan upaya orang utama.

Kesan daripada kematian atau kehilangan upaya orang utama perniagaan termasuk keperluan untuk membayar perbelanjaan dan hutang perniagaan sehingga seorang pengganti dilantik, menanggung kos perlantikan pekerja luar, perniagaan dijual atau dibubarkan.

Manfaatkan perniagaan anda

Etiqa Life Secure adalah pelan insurans hayat bertempoh yang menawarkan fleksibiliti untuk memilih tempoh manfaat, jumlah manfaat yang dibayar untuk kematian dan kehilangan upaya, manfaat tambahan, dan kekerapan pembayaran premium.



Tempoh Manfaat	Minimum 5 tahun untuk ulang tahun polisi sehingga tarikh lahir ke 80
Jumlah Manfaat	Daripada minimum RM100,000
Kekerapan Pembayaran Premium	Bulanan, suku tahunan, setengah tahunan, atau tahunan untuk pembayaran premium
Manfaat Tambahan	Manfaat tambahan akan dibayar apabila didiagnosis salah satu daripada 36 penyakit kritikal

Jika anda berusia di bawah 60 tahun, anda layak untuk memohon pelan ini dan kelayakan adalah tertakluk pada kelulusan kami.

Premium yang anda bayar akan kekal sepanjang tempoh pelan, tidak termasuk premium untuk manfaat tambahan.

Premium yang dibayar oleh perniagaan untuk orang utama mungkin layak untuk **pelepasan cukai**, tertakluk pada keputusan oleh pihak berkuasa cukai Malaysia.

Kajian kes



Encik Lee

adalah orang utama di dalam syarikat pembekal alat tulis pejabat yang telah ditubuhkan 8 tahun lalu.

Malangnya, ketika Encik Lee bersenam pada suatu pagi, beliau telah mengalami serangan jantung dan meninggal dunia setelah dimasukkan ke hospital selama 10 hari.

Mujurlah, perbelanjaan perubatan, kos pengebumian dan jumlah yang diperlukan untuk masa depan keluarga Encik Lee ditanggung oleh polisi insurans hayat bertempoh Etiqa yang telah beliau ambil ketika berusia 25 tahun dahulu.

Namun begitu, kedudukan perniagaannya kini goyah akibat pemergiannya, invoice tidak dapat dikeluarkan. Kekurangan aliran wang tunai ini menyebabkan pemborong dan gaji pekerja tidak dapat dibayar, dan gadai janji pejabatnya telah tertunggak. Dalam masa beberapa bulan, perniagaannya terpaksa ditamatkan.



Seciranya ada polisi insurans orang utama, perniagaan tersebut mungkin boleh diselamatkan. Dengan memilih jumlah manfaat yang mencukupi untuk menanggung kos perbelanjaan dan melangsaikan hutang-hutang selama 6 bulan, pemilik perniagaan mempunyai cukup masa untuk mencari pengganti dan meneruskan perniagaannya.



Pengecualian utama

Untuk memastikan manfaat sentiasa mampu dimiliki, tiada pembayaran akan diberikan, atas sebab-sebab berikut:

Sebab	Manfaat Kematian	Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal	Manfaat Penyakit Kritikal
Bunuh diri dalam tempoh satu tahun dari pengeluaran pelan	X		
Percubaan bunuh diri		X	X
Penglibatan dalam sebarang aktiviti jenayah atau melanggar undang-undang, mogok, rusuhan atau kekacauan umum		X	X
Penglibatan dalam sebarang aktiviti dan sukan berbahaya, atau penerbangan bukan komersil		X	X
Pengambilan alkohol atau dadah		X	X
Kecederaan akibat provokasi keganasan fizikal		X	
Penyedutan racun, gas atau wasap		X	
Kecederaan yang disengajakan oleh diri sendiri, kegagalan untuk mematuhi nasihat perubatan, atau penangguhan yang tidak munasabah dalam mendapatkan rawatan perubatan		X	X
Penyakit kritikal dan kos perubatan yang dikenakan akibat: <ul style="list-style-type: none"> • keadaan yang sedia ada sebelum tarikh pengeluaran atau pengembalian semula polisi, atau • jangkitan HIV kecuali akibat pemindahan darah, atau • penyakit kelamin 		X	X

Untuk perhatian anda

1. Maklumat yang terkandung dalam brosur ini boleh dipinda tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
2. Brosur ini adalah ringkasan daripada terma-terma dan syarat-syarat pelan ini. Brosur ini tidak boleh dianggap sebagai kontrak atau komitmen.
3. Sila minta ilustrasi jualan daripada ejen insurans Etiqa anda sebelum membeli pelan ini. Ilustrasi jualan mengandungi maklumat terperinci berkenaan terma-terma dan syarat-syarat pelan ini. Sila semak ilustrasi jualan untuk mendapatkan kepastian bahawa manfaat-manfaat adalah sesuai dengan keperluan anda dan jumlah premium yang perlu dibayar adalah mengikut kemampuan anda.
4. Sekiranya permohonan anda terhadap pelan ini diluluskan oleh kami, kontrak polisi akan dihantar untuk mengesahkan permulaan pelan. Sila rujuk dan baca kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat penuh. Sekiranya anda ingin membatalkan pelan ini, bagi apa jua alasan, sila maklumkan kepada kami secara bertulis dalam masa 15 hari dari tarikh pengeluaran kontrak polisi dan kami akan membayar balik premium yang telah diterima selepas ditolak kos pemeriksaan perubatan yang ditanggung (jika ada).
5. Sila bayar premium dalam tempoh tangguh selama 31 hari dari tarikh premium tersebut perlu dibayar. Premium yang perlu dibayar adalah tetap sepanjang tempoh pelan mengikut kekerapan pembayaran yang dipilih, seperti yang dinyatakan dalam kontrak polisi. Kegagalan membayar premium akan menamatkan kelayakan anda untuk menerima manfaat di bawah pelan ini.

Anda tidak akan menerima sebarang pembayaran jika anda menamatkan pelan ini dalam dua tahun yang pertama dan manfaat tahun berikutnya mungkin kurang daripada jumlah premium yang telah dibayar.

6. Kami berhak untuk meminda premium bagi manfaat pilihan di bawah pelan ini dengan memberi notis 3 bulan terlebih dahulu sebelum pindaan tersebut berkuat kuasa dan ianya akan terpakai pada tarikh ulang tahun polisi yang berikutnya. Kadar premium boleh meningkat disebabkan perubahan undang-undang atau peraturan, termasuk percukaian, atau faktor-faktor lain yang tidak dijangka dan bersifat kekal. Faktor-faktor ini termasuk pengalaman tuntutan contohnya disebabkan oleh inflasi kos perubatan.
7. Semua premium (jika berkenaan) akan tertakluk pada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia.
8. Ia adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran premium
9. Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Hayat dan Insurans Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk kepada risalah *Insuranceinfo* tentang 'Insurans Hayat' dan 'Insurans Perubatan dan Kesihatan' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinannya daripada ejen insurans Etiqa atau kunjungi www.insuranceinfo.com.my.

03/2020/201701025113

Etiqua Oneline 1300 13 8888
www.etiqua.com.my



 www.facebook.com/etiqua

Etiqua Life Insurance Berhad (201701025113)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan
2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
T +603 2297 3888 F +603 2297 3800

eTiQa
Insurans Hayat